

## HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI DENGAN TAHAP PREJUDIS TERHADAP GOLONGAN KURANG UPAYA INTELEKTUAL

Nurul Syafika Mohd Ariff Shah\*

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Atini Alias

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

\*Corresponding Author's Email: syafikaariff18@gmail.com

### Article history:

Received : 4 Mei 2023

Accepted : 22 Jun 2023

Published : 29 September 2023

## ABSTRAK

Stigma masyarakat terhadap golongan kurang upaya intelektual membawa kepada masalah diskriminasi yang bakal menjadi duri dalam daging di Malaysia. Kewujudan stigma ini disebabkan oleh tingkah laku prejudis dan kepercayaan stereotaip terhadap kumpulan minoriti tertentu. Kedua-dua faktor tersebut wujud bukan sahaja disebabkan oleh keadaan persekitaran, identiti sosial, atau penyertaan kumpulan sosial tertentu, namun ia juga wujud daripada personaliti individu itu sendiri. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji hubungan antara personaliti dengan tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual (*Intellectual Disability*) dalam kalangan pelajar Fakulti Sains Sosial (FSS) di Universiti Melaka. Seramai 159 pelajar FSS dijadikan responden kajian. Kajian dijalankan menggunakan reka bentuk kuantitatif dan kaedah tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan adalah *Inventory of Big Five Personality* (BFI) dan *Italian Modern and Classical Prejudices Scale* (MCPS-IT). Hasil kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi yang melibatkan Ujian-t dan Korelasi Pearson dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 25.0. Hasil dapatan mendapati tiada perbezaan yang signifikan di antara personaliti dan tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual berdasarkan jantina, tahap pendidikan, dan umur pelajar. Kajian juga menunjukkan bahawa personaliti tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap prejudis dengan golongan kurang upaya intelektual dalam kalangan pelajar FSS ( $r = 0.027$ ,  $p > 0.05$ ). Secara kesimpulan, personaliti pelajar tidak mempengaruhi tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual.

**Kata kunci:** Stigma; Stereotaip; Personaliti; Prejudis; Kurang Upaya Intelektual

## **THE RELATIONSHIP BETWEEN PERSONALITY AND PREJUDICES AGAINST PEOPLE WITH INTELLECTUAL DISABILITY (ID)**

### **ABSTRACT**

*The stigma against people with intellectual disability (ID) leads to a discrimination problem that will become a thorn in Malaysia. The existence of this stigma is caused by prejudicial attitudes and stereotypical beliefs against certain minority groups. Both factors existed not only due to social environment, social identity, or social-group membership, but they also existed because of internal attributes of the individual. Hence, the purpose of this study is to identify the relationship between personality and prejudices against people with ID among students of Faculty of Social Sciences at University of Melaka. This survey has been conducted towards 159 students of Faculty of Social Sciences. The study was conducted using quantitative methods and survey methods. The instruments used were The Inventory of Big Five Personality (BFI) and Italian Modern and Classical Prejudices Scale (MCPS-IT). The data was analysed through descriptive and inference statistics that includes T-Test and Pearson Correlation via Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 25.0. The result shows that there is no significant relationship between personality and prejudices based on gender, education level, and age. Moreover, the study also shows that there is no significant relationship between personality and prejudices scale against people with ID among students of Faculty of Social Sciences ( $r = 0.027, p > 0.05$ ). In conclusion, personality does not affect the level of prejudices against people with ID.*

**Keywords:** Stigma; Stereotype; Personality; Prejudice; Intellectual Disability

### **PENGENALAN**

Dunia tidak lagi asing dengan golongan kurang upaya atau Orang Kurang Upaya (OKU). Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mendefinisikan OKU sebagai seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya, sebagai seorang individu yang normal, akibat daripada kekurangan keadaan fizikal atau mental (WHO, 2020). Mereka juga boleh dilihat sebagai golongan yang terbatas pergerakan sama ada fizikal, mental, penglihatan, dan pendengaran (Sulaiman, 2008). Definisi lain bagi OKU juga ialah sebuah kelompok atau golongan individu yang mempunyai perbezaan dari segi ciri-ciri neurologi, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkah laku, dan emosi serta ciri-ciri fizikal (Wan Sabri Wan Husin, 2013). Akta Orang Kurang Upaya 2008 mendefinisikan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Malaysia telah membahagikan golongan OKU ini kepada tujuh (7) kategori berserta kod iaitu kurang upaya pendengaran (DE), kurang upaya penglihatan (BL), kurang upaya pertuturan (SD),

kurang upaya fizikal (PH), kurang upaya pembelajaran (LD), kurang upaya mental (ME), dan kurang upaya pelbagai (MD).

Statistik OKU berdaftar di Malaysia secara keseluruhan pada tahun 2021 adalah seramai 600 ribu orang. Kanak-kanak yang menghidap Kecelaruan Spektrum Autisme (ASD) dan masalah pembelajaran pada tahun 2021 adalah berjumlah 204 ribu iaitu satu per tiga daripada keseluruhan OKU berdaftar. Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar OKU Masalah Pembelajaran mengikut tahun.

**Jadual 1:** Bilangan Pelajar OKU Masalah Pembelajaran Mengikut Tahun

Tahun	2017	2018	2019	2020	2021
Jumlah	63,615	67,537	72,010	77,205	79,921

Sumber: Buku Data Pendidikan Khas 2021

WHO (2021) menyatakan bahawa 15 peratus manusia dengan lebih daripada satu bilion penduduk bumi mempunyai pelbagai bentuk ketidakupayaan. WHO turut menyatakan bahawa bilangan ini akan bertambah pada masa hadapan di mana satu daripada punca ialah masalah penyakit kronik, kemalangan dan pelbagai faktor lagi. Ketidakupayaan ini akan dialami oleh setiap orang sama ada sementara atau berkekalan. WHO turut menyatakan bahawa golongan OKU amat terkesan oleh pandemik COVID-19. Golongan ini turut mengalami stigma, diskriminasi, dan prejudis yang membawa kepada penerimaan perkhidmatan yang tidak berkualiti taktala mendapatkan rawatan kesihatan.

Justeru, kewujudan stigma masyarakat, diskriminasi, dan prejudis terhadap golongan ini mengakibatkan mereka menerima pelbagai layanan buruk terutamanya golongan kanak-kanak dan wanita. Andre Felix (2018) menyatakan bahawa golongan OKU wanita adalah lebih terdedah kepada diskriminasi dan tiga hingga lima kali lebih tinggi menjadi mangsa keganasan berbanding populasi wanita biasa. *United Nations Children's Education Fund* (2017) turut menyatakan bahawa kanak-kanak OKU berisiko empat kali lebih tinggi dalam menjadi mangsa keganasan dengan kanak-kanak perempuan paling berisiko. Hal ini boleh dilihat berdasarkan laporan yang telah dibentangkan kepada Setiausaha Agong PBB berkenaan situasi di mana 12 peratus lelaki mengalami ketidakupayaan, manakala 19 peratus adalah wanita yang mengalami ketidakupayaan.

## PERSONALITI DAN PREJUDIS

Personaliti menurut Allport (1937) ialah satu organisasi di dalam diri individu yang terdiri daripada beberapa sistem psikofizikal yang membentuk corak tingkah laku, pemikiran, dan perasaan seseorang. Sistem psikofizikal tersebut akan memberi garis panduan kepada individu untuk menentukan tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran kemanusiaan dan fizikal. Crow (1983) menyatakan bahawa personaliti adalah perwatakan fizikal, corak percakapan, dan daya penarik yang wujud dalam diri seseorang. Gage dan Berliner (1984) mendefiniskan personaliti sebagai aspek tingkah laku manusia. Hal ini demikian kerana, ia merangkumi motif, sikap,

pendapat, kepercayaan, pemikiran kognitif, emosi, dan ciri-ciri yang ada pada seseorang. Waren dan Carmichael (1930) turut menyatakan bahawa personaliti merupakan organisma dinamik di dalam diri individu yang terdiri daripada sistem psikofizikal dan fizikal yang menentukan penyesuaian kepada persekitarannya. Manakala Menninger (2004) menyatakan personaliti sebagai semua perkara yang sebenarnya menghuraikan tentang seseorang. Pernyataan beliau mengandaikan mengenai keadaan biologi dan fisiologi individu.

Prejudis boleh dilihat sebagai tanggapan atau andaian yang berdasarkan keahlian individu dalam kelompok tertentu seperti bangsa, agama, negara, dan jantina. Ia juga boleh dilihat sebagai proses dalam satu set perhubungan dan bukannya berdasarkan keadaan atau perwatakan individu tersebut (Abrams dan Houston, 2006; Abrams dan Christian, 2007). Allport (1954) menyatakan prejudis ialah pertimbangan negatif yang tidak wajar terhadap individu berdasarkan identiti kumpulan sosial masing-masing. Beliau menyatakan bahawa ciri-ciri yang ada di dalam sifat prejudis ialah perasaan tidak suka terhadap sesetengah identiti kelompok dan ahli-ahli mereka.

Crandall dan Eshelman (2003) mentakrifkan prejudis sebagai penilaian negatif terhadap kelompok sosial atau individu yang signifikan berdasarkan keahlian kelompok. Takrifan tersebut boleh dilihat sebagai *bias* yang memandang rendah seseorang disebabkan keahlian mereka dalam kelompok sosial yang tertentu. Menurut Allport di dalam bukunya ‘*The Nature of Prejudice*’ (1954), kemunculan prejudis dan stereotaip merupakan sebahagian daripada pemikiran normal manusia. Beliau menjelaskan lagi bahawa minda manusia perlu berfikir dengan cara menyusun kategori. Usai dibentuk, kategori merupakan perkara asas di dalam prasangka yang normal. Manusia tidak dapat elak daripada proses ini dan kehidupan yang teratur bergantung kepada proses kategori ini.

Oleh itu, berdasarkan definisi personaliti dan prejudis tersebut bahawa kedua-duanya merupakan satu proses kognitif melalui pelbagai aspek seperti emosi, pendapat, budaya, dan hubungan individu yang mencorak individu itu unik dengan individu yang lain. Kedua-duanya boleh berubah dan mempengaruhi individu lain.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara personaliti dengan tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual (*Intellectual Disability*) dalam kalangan pelajar Fakulti Sains Sosial (FSS) di Universiti Melaka, mengenalpasti perbezaan antara tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual berdasarkan jantina, tahap pendidikan, dan umur responden.

## SOROTAN LITERATUR

Roberto Marcone dan Antonietta Caputo (2021) telah membuat kajian mengenai mengkaji prejudis tersembunyi dan terangan dalam kalangan guru dan bukan guru di bahagian Selatan Itali. Kajian ini adalah untuk mengkaji tahap prejudis tersembunyi dan prejudis terangan terhadap golongan kurang upaya intelektual (ID) terhadap guru dan bukan guru di bahagian Selatan Itali. Seramai 664 orang responden terlibat

dalam lingkungan usia 18 hingga 70 tahun di mana 38 peratus daripada responden tersebut ialah guru. Kajian mendapat guru mempunyai prejudis klasik yang lebih tinggi berbanding bukan guru. Guru sekolah rendah menunjukkan prejudis moden dan klasik yang lebih tinggi. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa kemasukan pelajar ID ke sekolah rendah mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tahap prejudis dalam kalangan guru. Oleh itu, guru-guru memerlukan maklumat dan latihan berkaitan ID.

Rocco Servidio dan Roberto Marcone (2020) telah mengkaji mengenai prejudis klasik dan moden terhadap pelajar universiti di Itali. Objektif kajian untuk mengkaji perbezaan dalam tingkah laku dalam kalangan pelajar kursus Sains Sosial dengan Sains Fizikal terhadap golongan kurang upaya intelektual. Keputusan kajian ialah tahap prejudis klasik adalah tinggi bagi jantina lelaki dengan mereka yang tidak mempunyai pengalaman bekerja dengan golongan ID. Prejudis moden pula tinggi terhadap jantina lelaki yang merupakan pelajar kursus Sains Fizikal dengan tiada pengalaman bekerja dengan golongan ID dan tiga personaliti ‘Big Five’ *Agreeableness* dan *Openness to experience* signifikan dengan prejudis moden.

Bergh, Akrami, dan Ekehammar (2012) membuat kajian mengenai personaliti dengan prejudis terangan dan tersembunyi. Kajian yang dijalankan ialah hubungan antara prejudis terangan dengan prejudis tersembunyi terhadap kumpulan tertentu dan personaliti mempunyai hubungan yang signifikan dengan prejudis terangan. Hasil kajian mendapat korelasi personaliti-prejudis di antara .06 dan -.40 dan signifikan terhadap semua personaliti-korelasi terhadap prejudis terangan kecuali untuk tiga *Agreeableness* dan prejudis terangan terhadap lesbian. Tiada korelasi antara personaliti dengan prejudis tersembunyi yang signifikan. Seterusnya, korelasi persoaliti-prejudis di antara .08 dan -.57 dan signifikan untuk personaliti-prejudis terangan di mana tiada korelasi yang signifikan antara *Openness to experience* dan prejudis terangan terhadap gay.

Ekehammar dan Akrami (2003) membuat kajian mengenai hubungan antara personaliti dan prejudis menggunakan pendekatan berpusatkan pembolehubah dan pendekatan berpusatkan individu. Kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara personaliti ‘Big Five’ dengan prejudis dengan menggunakan pendekatan berpusatkan pembolehubah dan berpusatkan individu. Analisis korelasi menunjukkan *Openness to experience* dan *Agreeableness* mempunyai hubungan yang signifikan dengan prejudis dan beberapa analisis regresi menunjukkan pendekatan berpusatkan pembolehubah mempunyai hubungan dengan personaliti dan prejudis. Keputusan kajian menunjukkan bahawa berdasarkan personaliti ‘Big Five’, prejudis umum diramalkan dengan lebih tepat menggunakan pendekatan berpusatkan pembolehubah berbanding pendekatan berpusatkan individu.

## METODOLOGI

### Populasi Dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan populasi pelajar Fakulti Sains Sosial di Universiti Melaka seramai 265 orang. Sampel kajian dipilih melalui jadual Krejcie dan Morgan (1970). Maka, saiz sampel kajian yang terlibat ialah seramai 159 orang.

## Kaedah Persampelan

Prosedur kajian yang digunakan ialah kaedah persampelan jenis rawak berstrata. Creswell (2010) menyatakan bahawa persampelan rawak berstrata sesuai untuk populasi yang diedarkan secara tidak seragam atau tidak seimbang. Fowler (2014) menyatakan bahawa persampelan rawak berstrata membolehkan setiap strata dalam populasi diwakili di mana dapatan dan kesimpulan kajian adalah mewakili semua strata dalam populasi tersebut dan lebih meyakinkan. Kaedah persampelan ini digunakan bagi memastikan subkumpulan populasi tertentu mempunyai wakil dengan secukupnya di dalam keseluruhan populasi sampel kajian.

## Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Bahagian A ialah soal selidik berbentuk demografi iaitu jantina, tahap pendidikan, dan umur. Soal selidik Bahagian B ialah *Inventory of Big Five Personality* (BFI) dan mengandungi 44 item dimensi OCEAN dan menggunakan skala Likert. Soal selidik pada Bahagian C ialah *Italian Modern and Classical Prejudices Scale* (MCPS-IT) yang mengandungi 19 item dan dibahagikan kepada dua bahagian yang mewakili dua bentuk prejudis iaitu prejudis klasik dan prejudis moden. Prejudis klasik bersandar kepada pandangan bahawa golongan OKU pembelajaran sering melakukan jenayah manakala prejudis moden pula bersandar kepada pandangan bahawa golongan ini terlalu mendesak dalam tuntutan hak sama rata. Soal selidik ini menggunakan skala Likert.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah berdasarkan keputusan statistik deskriptif dan statistik inferensi hipotesis kajian. Keputusan deskriptif menerangkan taburan kekerapan dan peratus responden mengikut maklumat demografi iaitu jantina, tahap pendidikan, dan umur setiap responden dan keputusan inferensi merupakan analisis data menggunakan SPSS versi 25.0.

**Jadual 2:** Korelasi antara trait personaliti dengan prejudis

Trait Personaliti	Prejudis (r)
<i>Extraversion</i>	.033
<i>Agreeableness</i>	- .470
<i>Conscientiousness</i>	- .088
<i>Openness to experience</i>	- .048
<i>Neuroticism</i>	- .110

p > 0.05

Hipotesis kajian pertama ialah terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual dalam kalangan pelajar Universiti Melaka. Dapatan kajian menunjukkan tiada hubungan

yang signifikan antara personaliti dengan prejudis,  $r = -.027$ . Memandangkan nilai  $p = .733$  adalah lebih besar daripada aras signifikan iaitu  $\alpha = .05$  ( $r = -.027$ ,  $p > .05$ ), maka hipotesis pertama ditolak. Oleh itu, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan prejudis.

Hipotesis kedua kajian ialah terdapat perbezaan tahap prejudis berdasarkan jantina pelajar. Data dianalisis menggunakan Ujian-t dan hasil dapatan menunjukkan tiada perbezaan prejudis berdasarkan jantina dengan nilai  $t$  (157) = 1.831,  $p > 0.05$ . Justeru, hipotesis kajian ditolak. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua jantina tidak mempunyai perbezaan dengan prejudis.

Hipotesis ketiga kajian ialah terdapat perbezaan tahap prejudis berdasarkan tahap pendidikan dan dapatan kajian menunjukkan nilai min tahap prejudis pelajar berpendidikan diploma adalah lebih tinggi berbanding pelajar berpendidikan ijazah sarjana muda di mana perbezaan min tersebut adalah tidak setara. Nilai signifikan data kajian pula ialah  $p = .312$  di mana nilai tersebut lebih besar ( $p > 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis ditolak, maka tiada perbezaan yang signifikan antara prejudis dengan tahap pendidikan pelajar.

Hipotesis keempat ialah terdapat perbezaan antara tahap prejudis dengan umur dan hasil dapatan menunjukkan nilai min tahap prejudis pelajar adalah hampir sama. Oleh itu, hipotesis ditolak maka tiada perbezaan yang signifikan terhadap tahap prejudis berdasarkan umur pelajar dengan nilai  $t$  (157) = .763,  $p > 0.05$ . Analisis data boleh dilihat berdasarkan Jadual 3.

**Jadual 3:** Analisis Ujian-t perbezaan tahap prejudis berdasarkan jantina, tahap pendidikan, dan umur

Pembolehubah	N	Min	t	sig	df
Jantina					
Lelaki	80	52.46	1.831	.069	157
Perempuan	79	50.56			
Tahap Pendidikan					
Diploma	77	52.05	1.015	.312	157
Ijazah Sarjana Muda	82	51.00			
Umur					
20 tahun dan ke bawah	67	51.99	.763	.447	157
21-25 tahun	92	51.17			

$p > 0.05$

Kaedah Cronbach yang melibatkan pengiraan nilai korelasi antara skor milik setiap item digunakan untuk melihat kebolehpercayaan dua alat ujian *Inventory of Big Five Personality* (BFI) dan *Modern and Classical Prejudices Scale* (MCPS-IT). Jadual 4 menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi *Inventory of Big Five Personality* (BFI) adalah .653 manakala *Modern and Classical Prejudices Scale*

(MCPS-IT) ialah .614. Pallant (2001) menyatakan bahawa nilai Cronbach di atas 0.6 dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan diterima (Nunnally dan Bernstein, 1994). Maka, hasil analisis membuktikan bahawa kedua-dua alat ujian yang digunakan oleh pengkaji diterima dan dipercayai.

**Jadual 4:** Analisis kebolehpercayaan alat ujian

Alat Ujian	Pekali Alpha	N
<i>Inventory of Big Five Personality</i>	.653	44
<i>Modern and Classical Prejudices Scale</i>	.614	19

## PERBINCANGAN

Analisis data menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara personaliti dengan tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual. Dapatkan kajian adalah berbeza dengan kajian oleh Servidio dan Marcone (2020) yang mempunyai hubungan signifikan antara personaliti dengan tahap prejudis terhadap OKU intelektual. Trait personaliti yang mempunyai tahap prejudis yang tinggi ialah *Agreeableness* dan *Openness to experience*.

Seterusnya, data menunjukkan tiada perbezaan antara tahap prejudis dengan jantina pelajar. Dapatkan kajian disokong oleh Marcone dan Caputo (2021) bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap prejudis individu. Aidan J. Murch et al. (2017) turut menyatakan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara tingkah laku prejudis dengan jantina individu terhadap golongan kurang upaya intelektual.

Di samping itu, analisis data menunjukkan tiada perbezaan antara tahap prejudis dengan tahap pendidikan pelajar. Dapatkan kajian disokong oleh kajian yang dilakukan Azri Ardila et al. (2018) yang menunjukkan bahawa hubungan antara tahap pendidikan individu dengan kesedaran terhadap individu yang mempunyai ID tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Namun, dapatkan kajian bertentangan dengan kajian oleh Servidio dan Marcone (2020) yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru sekolah rendah dengan guru sekolah menengah di mana guru sekolah rendah lebih prejudis berbanding guru sekolah menengah.

Akhir sekali, dapatkan kajian menunjukkan tiada perbezaan antara tahap prejudis dengan umur pelajar. Kajian oleh Aidan J. Murch (2017) menyokong dapatkan kajian dengan menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara tingkah laku prejudis terhadap golongan yang mempunyai ID dengan umur. Pengkaji menyatakan cadangan bahawa kajian mengenai prejudis dengan pemboleh ubah demografi tidak menjadi fokus utama pengkaji yang lain dan melihat jika pemboleh ubah tersebut mencerminkan nilai yang besar terhadap masyarakat lebih daripada terhadap individu.

## CADANGAN

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dikemukakan bagi melihat tahap prejudis terhadap golongan kurang upaya intelektual berdasarkan kajian yang dijalankan. Cadangan ini ditujukan kepada pihak pendidikan, pendidikan, dan pengkaji akan datang.

Bagi mengelakkan peningkatan masalah diskriminasi bukan sahaja terhadap golongan kurang upaya intelektual malah terhadap golongan minoriti lain, pihak pendidikan perlu memainkan peranan yang penting dalam menerapkan pengetahuan mengenai OKU di dalam sistem pendidikan dan suasana persekitaran dan fasiliti sekolah yang mesra pelajar OKU. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu menitikberatkan integrasi pelajar bukan sahaja dari segi kaum namun turut termasuk OKU dari segi sosial dan di dalam silibus pembelajaran. Pendedahan terhadap pelajar universiti mengenai OKU dan kemudahan fasiliti perlu diwujudkan di setiap universiti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan ditingkatkan selaras dengan peningkatan pelajar OKU tersebut.

Seterusnya, individu perlu mempunyai kesedaran mengenai tingkah laku prejudis dan banyakkan membaca supaya pandangan negatif secara sedar atau separa sedar terhadap kumpulan minoriti dapat dihapuskan. Individu perlu cakna terhadap peningkatan masalah diskriminasi di Malaysia dan berusaha untuk mengubahnya. Hal ini adalah berpaksikan surah ar-Ra'd ayat ke-11 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sebelum mereka mengubah dirinya sendiri".

Cadangan terakhir adalah kepada pengkaji akan datang supaya membuat lebih banyak kajian mengenai personaliti dan prejudis. Pengkaji digalakkan untuk memberi fokus terhadap prejudis dan bukan hanya tertumpu kepada pelajar universiti sahaja. Pengkaji akan datang diharapkan dapat mengembangkan lagi terhadap pelajar sekolah, dan penjawat awam seperti guru dan jururawat.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, walaupun tiada perhubungan terhadap kesemua hipotesis tersebut, individu perlu cakna bahawa stigma, prejudis, dan stereotaip terhadap kumpulan OKU intelektual ini ada di dalam masyarakat dan di Malaysia. Setiap individu berpotensi untuk bertingkah laku prejudis secara sedar mahupun tidak sedar dan perkara tersebut perlu dielakkan agar masalah diskriminasi di Malaysia berkurangan.

## RUJUKAN

- Abrams, D. and Christian, J.N. (2007) *A relational analysis of social exclusion*. In D. Abrams, J.N. Christian and D. Gordon (Eds.), *Multidisciplinary handbook of social exclusion research*. Hlm. 211-232. Oxford: Wiley-Blackwell.  
Aidan J. Murch. Tanveen Choudhury. Michelle Wilson. Eleanor Collerton. Maya Patel. Katrina Scior. (2017). Explicit and implicit attitudes towards people with intellectual disabilities: The role of contact and participant

- demographics. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*. Hlm.1-7.
- André Félix. (2018). *Convention on the Rights of Persons with Disabilities*. European Disability Forum Report Discrimination: United Nation.
- Bergh, R. Nazar Akrami. Ekehammar, B. (2012). The Personality Underpinnings of Explicit and Implicit Generalized Prejudice. *Social Psychological and Personality Science*. Vol. 3 (5). Hlm. 614-621.
- Bo Ekehammar. Nazar Akrami. (2003). The Relation between Personality and Prejudice: A Variable and a Person-Centred Approach. *European Journal of Personality*. Vol. 17. Hlm. 449-464.
- Crandall, C.S. and Eshelman, A. (2003). A justification-suppression model of the expression and experience of prejudice. *Psychological Bulletin*, 129: 414-446.
- Creswell, J. W. (2010). *Educational research-planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). New Jersey: Pearson. Retrieved from [http://lcwu.edu.pk/ocd/cfiles/TESOL/MS-TSL-505/EducationalResearchPlanning\\_ConductingandevaluatingQuantitativeandQualitativeResearch.pdf](http://lcwu.edu.pk/ocd/cfiles/TESOL/MS-TSL-505/EducationalResearchPlanning_ConductingandevaluatingQuantitativeandQualitativeResearch.pdf)
- Crow, D.L., & Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fowler, F.J. (2014). *Survey Research Methods*. Sage Publication, Cop.
- Gage, N.L. Berliner. David C. (1984). *Educational Psychology*. Boston: Houghton Miflin Co.
- Gordon Allport. Vernon, P. E. (1930). The field of personality. *Psychological Bulletin*. Vol. 27(10). Hlm. 677–730.
- Gordon W. Allport. (1954). *The Nature of Prejudice*. Hlm. 28-46. Addison-Wesley Publishing Company.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2019). *Orang Kurang Upaya*. Retrieved from <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHNPaUIPayt2QT09>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Buku Data Pendidikan Khas*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pendidikankhas/buku-data-pendidikan-khas/4918-buku-data-pendidikan-khas-tahun-2021/file>
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining sampel size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*. Vol. 30 (3). Hlm. 607 – 610.
- Menninger, W.W. (2004). *Contributions of Dr William C. Menninger to Military Psychiatry*. Bulletin of the Menninger Clinic. Vol. 68(4). Hlm. 277-296.
- Nunnally, J.C. Bernstein, I.R. (1994). *Psychometric theory*. Ed ke-3, McGraw-Hill: New York
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual - a step by step guide to data analysis using SPSS for windows (version 10)*. Buckingham Open University Press.
- R. Marcone. A. Caputo. S. Esposito. V. P. Senese. (2019). *Prejudices towards people with intellectual disabilities: reliability and validity of the Italian Modern and Classical Prejudices Scale*. *Journal of Intellectual Disability Research*. Hlm. 1-6. Italy: Published on behalf of mencap and in association with IASSID.

- Roberto Marcone. Antonietta Caputo. (2021, June 15). *Covert-overt Prejudices Towards the Intellectual Disabilities at School: A Study on Teachers and Non-teachers of Southern Italy*. Springer. Caserta: Italy.
- Sulaiman, R. (2008, April 28). *Faktor-faktor Pendorong Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Bekerja di JARO* (Johor Area Rehabilitation Organization). Retrieved from <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwP/ROSMAWATIBP050157D2008T TP.pdf>
- UNICEF. (2018). *UN Children's Funds*. UNICEF Annual Report 2017.
- Wan Sabri Wan Husin, M. Z. (2013). *Model Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa*. The 3rd Annual International Quranic Conference. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya.
- Waren, H. C. Carmichael, L. (1930). *Elements of Human Psychology*. New York, USA: Houghton & Mifflin.
- World Health Organization. (2021, November 24). *Disability and Health*. Retrieved from <https://www.who.int/en/news-room/fact-sheets/detail/disability-and-health>